

Untuk Siaran Segera

Mesin Basuh Pemuatan Atas dengan Inverter Pintar dari Panasonic

Mesin Basuh yang Mesra Alam Sekitar Untuk jaminan masa depan

Kuala Lumpur, 1 Oktober 2009 – Panasonic Malaysia telah melancarkan empat model terbaru mesin basuh pemuatan atas dengan keupayaan pembasuhan dari 8kg ke 14kg. Kesemua model mempunyai ciri seperti *Jet Water Circulation* (Edaran Air Jet) dan *Dancing Pulsator* yang berkuasa tinggi dalam prestasi pembasuhan disamping mesra alam sekitar.

Panasonic sentiasa maju ke hadapan dengan inisiatif dan memfokus pada R&D untuk membawakan faedah teknologi terkini pada pengguna. Untuk meningkatkan keperluan-keperluan dalam pemeliharaan alam sekitar dan pemuliharaan tenaga, Panasonic telah menggunakan teknologi dengan penjimatan tenaga pada model-model ini.

“Dengan teknologi baru Inverter pintar ini, model mesin basuh dengan pemuatan atas kami dapat menjimat sebanyak 50% air dan tenaga berbanding dengan mesin basuh yang telah digunakan selama tujuh tahun. Selain itu, dengan fungsi basuh tangan premium, mesin basuh kami dapat membasuh pakaian yang lembut atau halus,” kata Tony Endoh, Pengarah Urusan Panasonic Malaysia.

“Dengan Inverter pintar inovatif yang menjimatkan air dan tenaga, kami yakin dengan keempat-empat model ini untuk mengatasi standard yang terkini disamping memberi prestasi berkuasa kepada pembasuhan dan mesra alam sekitar.”

Mesin basuh pemuatan atas 8kg dan 9kg baru boleh didapati pada bulan Oktober 2009 di setiap kedai pengedar Panasonic yang sah seluruh Malaysia pada harga yang berpatutan. RM1,399 untuk 8kg dan RM1,499 untuk 9kg. Model 12kg dan 14kg boleh didapati pada bulan Disember 2009 pada harga RM1,899 (12kg) dan RM 2,099 (14kg)

Model	ASP (S.M)	Kapasiti	Boleh Didapati
NA-FS14X1	RM2,099	14kg	Dis 2009
NA-FS12X1	RM1,899	12kg	Dis 2009
NA-FS90X1	RM1,499	9kg	Okt 2009
NA-FS80X1	RM1,399	8kg	Okt 2009

Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran System professional, System perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke batteri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh di dapati menerusi pengedar sah kami seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berhubung jenama dan produk Panasonic, layari laman web www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan di 03-5543 7600.

Untuk siaran akhbar dan gambar, sila muat turun daripada www.pmpressroom.com

Perhubungan Media: Azizah Wahid
Pengurus Besar, Komunikasi Korporat Penjenamaan
Tel: 03 7809 7876 Fax: 03 7955 1857 Mobil: 019 217 2730
Emel: azizah.wahid@my.panasonic.com

Simone Pan
Eksekutif, Komunikasi Korporat & Penjenamaan
Tel: 03 7809 7874 Fax: 03 7955 1857 Mobil: 012 6945966
Emel: simone.pan@my.panasonic.com

Perhubungan Produk: Chester Gan
Eksekutif Produk, Jabatan Pemasaran HA
Tel: 03-7809 7728 Fax: 03-7955 2848
Emel: chester.gan@my.panasonic.com

###